

Headline	Rawatan ART mampu lahir zuriat bebas HIV		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Aug 2013	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	4	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	105 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,156
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,468



Rawatan ART mampu lahir zuriat bebas HIV

Kuala Lumpur: Rawatan Antiretroviral Therapy (ART) dengan mewajibkan pesakit HIV mengambil ubat secara berterusan bukan saja membolehkan pesakit dan pasangannya menjalani kehidupan berkeluarga seperti insan normal, malah mereka juga mampu melahirkan zuriat yang bebas virus HIV.

Pakar Perubatan Keluarga, Dr Iskandar Firzada Osman berkata, rawatan ART memerlukan individu dijangkiti

HIV atau PLHIV mengambil tiga jenis ubat daripada dua kumpulan ubat berbeza.

“Ia perlu diambil seumur hidup bukan dengan tujuan menyembuhkan, tetapi dengan tujuan mengawal pembiakan virus HIV,” katanya.

Beliau berkata, selain rawatan ART, PLHIV juga terdedah dengan jangkitan oportunistik lain seperti demam yang apabila dijangkiti bukan PLHIV, ia jangkitan biasa, namun teruk bagi PLHIV.

“Untuk mengelakkan jangkitan oportunistik itu, PLHIV perlu mendapatkan imunisasi supaya boleh melawan jangkitan kuman, selain menerima rawatan ART.

“Selain itu, mereka juga perlu mengambil antibiotik setiap hari supaya dapat menghalang jangkitan Pneumocystis Pneumonia (PCP),” katanya.

Dr Iskandar berkata, jika wanita PLHIV hamil menerima rawatan ART seku-

rang-kurangnya dua minggu sebelum melahirkan anak, risiko bayi dilahirkan dijangkiti virus HIV amat rendah iaitu cuma 0.8 peratus.

Menurutnya, jika wanita PLHIV yang hamil dan tidak menerima sebarang rawatan ART, risiko anak dijangkiti HIV antara 30 hingga 45 peratus.

“Jika hanya bapa PLHIV, tetapi ibu tidak, maka anak tidak akan dijangkiti virus HIV dengan syarat bapa menerima rawatan ART,” katanya.